

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan **Guru Bahasa DG41** lantikan secara Tetap/Kontrak di **Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa** seperti berikut:

KURSUS		KAMPUS
1	Bahasa Jepun	Kota Kinabalu
2	Bahasa Arab	
3	Bahasa KadazanDusun	
4	Bahasa Perancis	
5	Bahasa Korea	

## JAWATAN : GURU BAHASA (GRED DG41)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan
- ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

## SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- ii. Mempunyai latarbelakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- iii. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);
- iv. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- v. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh : calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);



- vi. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- vii. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

## SYARAT LANTIKAN

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GURU BAHASA GRED DG41 :**

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda  
Bidang/Kelayakan Khusus i. ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Urusetia Bahagian Pentadbiran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa melalui emel [adminppib@ums.edu.my](mailto:adminppib@ums.edu.my)

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Mei 2024 (Jumaat)**.

**Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

## MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa:

### **PUAN ALNA TUGON**

Ketua Pentadbiran

Pejabat Pentadbiran PPIB

No. Tel. : 088-320000 (No. Samb. : 212402)

E-mel : [alna@ums.edu.my](mailto:alna@ums.edu.my)

### **PUAN EVENY JOSEPH**

Pembantu Tadbir (P/O) Kanan

Pejabat Pentadbiran PPIB

No. Tel. : 088-320000 (No. Samb. : 212402)

E-mel: [eveny@ums.edu.my](mailto:eveny@ums.edu.my)